



ETIKA KEPENGARANGAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Nurul Syafiqah Mazlan^{1*} & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin²
s.syafiqah@rocketmail.com

^{1*}Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

² Pensyarah Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

ABSTRAK

Penulisan merupakan salah satu aktiviti yang menjadi kemestian terutamanya kepada ahli akademik. Secara umumnya, amalan ini adalah perlu berdasarkan beberapa kepentingan antaranya bagi memenuhi keperluan pelaksanaan KPI (*Key Performance Indicator*). Namun, dalam mengejar KPI yang telah ditetapkan terdapat etika-etika yang perlu diperhalusi bagi setiap ahli akademik terutama daripada sudut pandang Islam. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep kepengarangan dalam Islam. Di samping itu, kertas kerja ini bertujuan menganalisis etika kepengarangan menurut perspektif Islam. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, kajian perpustakaan digunakan melalui kaedah pengumpulan data. Manakala, kaedah analisis kandungan diaplikasikan dalam penganalisan data. Hasilnya, dapatan mendapati konsep kepengarangan telah lama diamalkan berdasarkan kepada penulisan adalah satu sumber sejarah penyebaran dakwah dalam Islam. Hal ini dibuktikan dengan bagaimana sejarah penulisan Islam dilakukan. Dapatan juga menunjukkan terdapat lima etika kepengarangan menurut Islam. Kajian mendapati bahawa kepengarangan yang berlaku adakalanya tidak berlandaskan kepada anjuran Islam yang sebenar. Justeru, kertas kerja ini akan menganalisis etika kepengarangan menurut perspektif Islam bagi mengelakkan berlakunya salah laku dalam kepengarangan.

Kata kunci: etika, kepengarangan, ahli akademik

1. PENDAHULUAN

Etika ialah sesuatu yang boleh menentukan tentang benar atau salah yang dapat menghalang berlakunya sesuatu yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip moral (Rafik Issa Bekun). Sementara itu, etika dalam bahasa Inggeris dikenali dengan perkataan *ethics* yang membawa makna satu cara bagi mengawal tingkah laku manusia berdasarkan kepada moral (Hawkins, 1997).

Di samping itu, etika membawa maksud panduan yang digariskan dalam sesuatu bidang yang membolehkan individu, kumpulan atau sesuatu organisasi mematuhi (Coolins,

2009). Etika juga merupakan satu disiplin ilmu yang dapat menentukan tentang kebaikan atau keburukan sesuatu perkara (Solomon, 1984; H.Hamzah, 1985; Fagothey, 1972; Wan Aminurrashid, 2002). Solomon (1984) berpendapat selain daripada tingkah laku manusia wujud perturan sosial yang menjadi salah satu daripada perbincangan mengenai etika.

Etika juga boleh disebut sebagai akhlak. Zaleha Ahmat (2000), berpandangan akhlak termasuk dalam bahagian perbincangan etika. Terdapat perbezaan pandangan mengenai istilah yang menggambarkan etika dan moral dalam Islam, namun istilah tersebut dikenali sebagai akhlak. Perkara ini adalah kerana perkataan akhlak merupakan istilah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (Mohd. Nasir Omar, 2005). Jadi, akhlak dan etika mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Sebagaimana akhlak mulia penting dalam diri manusia, etika juga penting bagi mengelakkan sebarang salah laku. Kebanyakan faktor yang mendorong berlakunya perkara buruk dan salah laku adalah disebabkan kurangnya pengamalan etika yang baik dalam diri seseorang sehingga cenderung untuk melakukan sesuatu yang buruk. Etika yang baik dituntut dalam setiap perkara yang dilakukan termasuklah juga dalam etika kepegangan.

Oleh itu, kertas kerja ini berusaha untuk mengenalpasti konsep kepegangan Islam dalam dunia akademik. Seterusnya, kertas kerja ini akan menganalisis etika kepegangan menurut perspektif hukum syarak. Hal ini akan memberikan penjelasan mengenai etika kepegangan yang patut diamalkan dalam kalangan ahli akademik supaya sebarang salah laku dapat dikurangkan dan kemudiannya dapat dihapuskan.

2. METODOLOGI KAJIAN

Sebagai metodologi kajian, kertas kerja ini menggunakan kajian perpustakaan. Kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data telah ditetapkan dengan khusus agar kertas kerja ini lebih tersusun dan bersistematik. Bagi mendapatkan data-data, kaedah analisis dokumen digunakan. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kaedah analisis data merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat yang benar dan tepat dalam bentuk dokumen daripada bahan yang bercetak. Bagi menepati objektif kertas kerja ini, kaedah

pengumpulan data digunakan dengan menganalisis dokumen berbentuk buku, jurnal dan risalah yang berkaitan dengan falsafah kepengarangan dalam Islam.

Setelah data yang diperlukan telah dikumpulkan, data tersebut dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Menurut Krippendorff (2004) dan Rohana Yusof (2004), analisis kandungan merupakan cara penyelidikan dengan membuat kesimpulan secara tersusun melalui perolehan data berbentuk dokumen. Oleh kerana kertas kerja ini memperolehi data berbentuk dokumen, maka analisis kandungan adalah kaedah yang bertepatan bagi mengumpulkan dokumen yang berkaitan dengan etika kepengarangan menurut perspektif Islam.

3. ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Bagi menjadikan kertas kerja ini lebih terfokus dalam menjelaskan data yang diperolehi, kertas kerja ini dibahagikan kepada dua perbincangan. Pertama, perbincangan mengenai konsep kepengarangan Islam. Kedua, etika kepengarangan menurut perspektif Islam.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000), kepengarangan adalah hal-hal yang berkaitan dengan pengarang. Manakala menurut Hamed Mohd Adnan (2008) mengenai maksud pengarang pula ialah mereka yang menghasilkan idea atau gagasan dan menyebarkannya melalui buku. Pengarang terdiri daripada individu, sekumpulan manusia serta badan atau pemerintah yang mempunyai hak ke atas hasil karya yang dilakukan. Perkara ini menunjukkan bahawa kepengarangan merujuk kepada perihal yang berkait dengan pengarang iaitu orang yang menghasilkan idea terhadap sesuatu karya yang memiliki hak sepenuhnya ke atas penulisan atau karangan yang dihasilkan olehnya.

Konsep Kepengarangan Islam

Bagi ahli akademik, penulisan merupakan antara elemen yang penting. Kepentingan penulisan boleh dilihat melalui aktiviti ini dapat menghasilkan sesebuah karya atau penerbitan ilmiah. Taraf pendidikan yang meningkat kini membawa kepada peningkatan permintaan karya akademik. Menurut Zulkifli Abd. Latiff (2013), bagi melaksanakan sesuatu penilaian terhadap aspek pembelajaran dan pengajaran penulisan akademik adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian. Sementara, Strongman (2014)

berpendapat penulisan akademik merupakan satu nilai seni yang berlaku melalui kajian yang bersistematik dan penelitian dalam pembacaan.

Sejarah penulisan telah bermula sejak dahulu lagi dan masih berkembang hingga kini. Penulisan kini banyak merujuk kepada sejarah al-Quran ditulis dan dibukukan. Para Sahabat RA menulis menggunakan kulit binatang, pelepah kurma dan banyak lagi alat bagi mengelakkan terlupa hapalan mereka (Manna' al-Qattan, 2001; Mohd Muhiden Abd. Rahman, 2004). Perubahan zaman membawa kepada perubahan teknologi penulisan, namun budaya menulis masih berterusan sehingga kini. Malah, keharusan untuk menulis juga turut disebut dalam al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah

نَّوْنٌ ۝ وَالْقَلَمِ ۝ وَمَا يَسْتَوُونَ ۝ ١

Maksudnya: Nuun, demi kalam dan apa yang mereka tulis.

(al-Qalam, 68:1)

Begitu juga firman Allah SWT dalam surah al-'Alaq, ayat 1-5:

أَقْرَأْ ۝ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ ١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ ٢ أَقْرَأْ ۝ وَرَبُّكَ

الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ ٤ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ ٥

Maksudnya: (1) Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhan-mu Yang menciptakan (2) Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah (3) Bacalah, dan Tuhan-mulah Yang Maha Pemurah (4) Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam (5) Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

(al-'Alaq, 96:1-5)

Menurut Ibn Kathir (2000), kelima-lima ayat surah al-'Alaq memberi peringatan kepada manusia mengenai proses kejadian manusia. Kemudian manusia diajarkan perkara yang tidak diketahuinya dan Allah SWT mengangkat darjat dan memuliakan manusia dengan ilmu. Perkara inilah yang membezakan manusia dengan makhluk Allah

SWT yang lain. Anugerah akal yang dikurniakan adalah untuk berfikir dan menambahkan ilmu pengetahuan serta mengelakkan kejahilan.

Justeru, aktiviti penulisan tidak harus berhenti begitu sahaja. Golongan akademik adalah antara golongan yang bertanggungjawab untuk menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penulisan, penerbitan dan karya ilmiah bagi menyemarakkan lagi ilmu pengetahuan dan terhindar daripada sifat jahil. Mencari ilmu adalah menjadi kewajipan setiap Muslim dan penulisan adalah salah satu cara untuk menyebarkan ilmu pengetahuan.

Etika Kepengarangan Menurut Perspektif Islam

Islam adalah agama yang menyeru kepada perkara kebaikan. Kebaikan yang dilakukan mendapat ganjaran daripada Allah SWT. Mengamalkan etika seperti etika kepengarangan adalah antara perkara baik yang boleh diamalkan terutamanya dalam kalangan ahli akademik. Kajian ini membincangkan mengenai lima etika yang berkait dengan kepengarangan. Berikut adalah perbincangan mengenai etika kepengarangan menurut Islam:

a. Niat yang Ikhlas

Setiap perkara yang dilakukan perlulah mempunyai matlamat dan tujuan utama. Bentuk tujuan tersebut adalah seperti niat yang ikhlas. Niat adalah kemahuan dan kehendak hati (al-Nawawi, 1980). Sementara ikhlas merujuk kepada ketaatan yang dilaksanakan tanpa perasaan riyak yang dapat mensucikan hati daripada sifat-sifat *mazmumah* (al-Jurjani, 1985). Maka niat yang ikhlas merujuk kehendak hati yang melakukan sesuatu ketaatan tanpa sifat yang tercela. Manakala menurut al-Ghazali (1999), keikhlasan yang sebenar apabila seseorang memperhambakan diri semata-mata kepada Allah SWT bukan kepada selain daripada-Nya. Sifat ini perlu dipupuk dalam usaha mencari dan meningkatkan ilmu pengetahuan. Mendapatkan ilmu adalah merupakan salah satu bentuk ibadah. Perkara ini juga membawa kepada keberkatan dan keredaan Allah SWT. Merujuk kepada firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَمَا أَمْرُوآ إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا

الزَّكَاةَ ۚ وَذَلِكَ دِينُ آلِ قَيْمَةٍ

Maksudnya: Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah SWT dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus.

(al-Bayyinah, 98: 5)

Menurut Ibn Kathir (2000), ayat sebelum ini menerangkan tentang sifat ikhlas hamba dalam melaksanakan sesuatu ibadah kepada Allah SWT. Ibadah yang dilaksanakan perlulah bersandarkan kepada niat semata-mata kerana Allah SWT tanpa keraguan dan niat tersembunyi yang lain. Kamarul Azmi Jasmi (2016) berpandangan, keikhlasan yang berterusan amatlah dituntut bukan semata-mata pada awal amalan sahaja malahan sehingga ke akhir amalan dilakukan. Oleh yang demikian, dari sudut kepengarangan niat yang ikhlas adalah satu keperluan kerana konsep kepengarangan dalam Islam bertujuan untuk menyebarkan ilmu dan dakwah. Demikian juga dengan sifat amanah yang perlu ada dalam kepengarangan.

b. Amanah

Sifat amanah juga penting sebagai etika kepengarangan menurut Islam. Sifat ini merupakan antara sifat terpuji yang perlu wujud dalam diri setiap manusia. Amanah yang telah diberikan perlu ditunaikan dengan sebaik mungkin. Bersifat amanah juga memudahkan untuk mendapatkan kepercayaan daripada orang lain. Hal ini adalah kerana sifat amanah dapat memelihara diri daripada perkara-perkara buruk seperti pecah amanah, penipuan dan sebagainya. Islam menyeru umatnya untuk bersifat amanah berdasarkan ayat al-Quran berikut;

فَلْيُؤَدِّ الْأَذِي أَوْئِمِّنْ أَمْنَتَهُ وَلْيَسْقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۖ

Maksudnya: Maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya (hutangnya) dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah SWT Tuhannya.

(al-Baqarah, 2: 283)

Ayat sebelum ini menjelaskan perihal hukum gadaian yang mempunyai kaitan yang rapat dengan sifat amanah. Jika setiap orang mempunyai sifat amanah dan mempercayai antara satu sama lain, tidak berdosa bagi mereka sekiranya tidak menulis hutang (Ibn Kathir, 2001). Kewajipan untuk menulis hutang bagi setiap

orang yang berhutang bagi mengelakkan lupa dan sikap tidak mahu membayar hutang. Namun, jika sudah wujud sifat amanah dalam diri, sudah tidak perlu untuk mencatat hutang tersebut.

Haron Din (2007), berpendapat mengenai sifat amanah adalah setiap orang wajib melaksanakan amanah yang telah diberikan. Memberikan hak kepada mereka yang sepatutnya dan melakukan sesuatu kebaikan adalah antara bentuk amanah. Hal ini menunjukkan bahawa setiap kebaikan yang dilakukan juga dikira sebagai amanah kerana memudahkan urusan orang lain dan menyerahkan hak kepada orang yang benar-benar menerimanya. Maka, konsep kepengarangan dalam Islam mengajar untuk berlaku amanah bagi mengelakkan penipuan dan salah laku dalam kepengarangan.

c. Bertanggungjawab

Bertanggungjawab adalah antara etika yang baik perlu ditekankan dalam diri setiap individu. Menurut Mohd Nasir Omar (1992), semua orang perlu menerima tanggungjawab ke atas setiap tindakan yang dilaksanakan. Menurut Mohd Nasir Omar (1992), setiap orang akan memikul tanggungjawab terhadap setiap pilihan tindakan yang dilakukan. Ganjaran yang diberikan adalah setimpal dengan kebaikan yang telah dilakukan. Namun, sebaliknya pembalasan buruk menimpa segala amalan keburukan. Firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ سَوْءٌ بِمَا كَسَبَتْ رَهِيْنَةً

Maksudnya: Setiap orang bertanggungjawab atas apa yang dilakukannya.

(al-Muddathir, 74:38)

Ayat sebelum ini menerangkan mengenai setiap Muslim bertanggungjawab atas segala perkara yang dilakukan dalam kehidupan. Setiap amalan akan diberikan pembalasan setimpal dengan amalan yang telah dilakukannya (al-Tabari, 2001). Perkara ini menunjukkan bahawa pada hari pembalasan, setiap orang akan dipertanggungjawabkan atas amalan ketika hayatnya. Menurut Muhammad Abdullah Darraz (1973), Allah SWT memberikan tanggungjawab kepada hamba dengan berbeza sesuai dengan kemampuan diri masing-masing.

Menurut Syed Nawab Haider Haqwi (1981), seseorang dianggap bertanggungjawab apabila berjaya menyempurnakan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Malahan, Mohammad Iqbal (1960) berpandangan sikap bertanggungjawab mempunyai hubungan dengan tingkah laku manusia. Mempunyai sikap bertanggungjawab menjadikan seseorang itu beretika kerana memiliki salah salah daripada sifat yang terpuji. Konsep kepengarangan menekankan etika bertanggungjawab kerana pihak yang terlibat dapat melatih diri untuk bertanggungjawab terhadap penghasilan karya yang dilakukan dan tidak melepaskan tanggungjawab kepada pihak yang tidak sepatutnya.

d. Adil

Sifat adil biasanya dikaitkan dengan pembahagian yang sama rata. Namun, Rizal Ariffin (2007) mengemukakan pendapat yang berbeza. Beliau berpendapat adil tidak bermaksud pembahagian sama rata kerana penindasan akan berlaku. Hal ini adalah kerana terdapat pihak yang mendapat bukan haknya dan sebahagian yang lain tidak mendapat hak sepatutnya dimiliki. Terdapat ayat al-Quran yang menyebut mengenai keharusan bersifat adil semua perkara.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوِّمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَاۗءَۙ بِالۡقِسۡطِۗ وَلَا يَجۡرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ
قَوِّمٍ عَلٰۤىۙ اَلَّا تَعۡدِلُوْاۗ اَعۡدِلُوْا هُوَ اَقۡرَبُ لِلتَّقۡوٰىۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَۗۗ اِنَّ اللّٰهَ
خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعۡمَلُوْنَ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah dan menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana (adil) itu lebih dekat kepada taqwaa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(al-Maidah, 5:8)

Menurut Ibn Kathir (2000), ayat sebelum ini memberi penerangan tentang kewajipan Muslim untuk berlaku adil dalam setiap perkara. Sebagai contoh, apabila diminta

menjadi saksi bagi sesuatu kes, saksi tersebut mestilah bersikap adil dan menjauhi daripada memihak kepada sebelah pihak sahaja. Perkara ini juga perlu diamalkan dalam perkara-perkara lain bukan sahaja semasa persaksian. Adil dalam konsep kepengarangan adalah tidak berlaku bias dan melebihkan pihak-pihak tertentu sahaja. Malah semua pihak yang terlibat dan perbincangan dalam penulisan diperlakukan adil seperti yang sepatutnya.

e. Merendah Diri

Etika kepengarangan yang terakhir ialah sifat merendah diri. Sifat merendah diri dapat menghalang diri daripada sikap-sikap buruk seperti meninggi diri, sombong dan berlagak. Menurut Aminudin Basir @ Ahamd & Jamsari Alias (2012), sifat merendah diri dalam bidang ilmu bukan menjadi penghalang kepada ahli akademik untuk mendapatkan ilmu daripada seseorang yang lebih muda daripada usianya. Hal ini adalah kerana usia bukan penentu atau ukuran tahap keilmuan seseorang. Merendah diri bagi mendapatkan ilmu perlu bagi mengelakkan diri daripada sifat yang tercela. Firman Allah SWT:

لَا تَمُدَّنَّ عَيْنِيَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْهُمْ ۖ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيَّ ۖ هُمْ ۖ
وَأَخْفِضْ ۖ جَنَاحَكَ لِمَنِؤْمِرِينَ

Maksudnya: Janganlah engkau menunjukan pandanganmu (serta menaruh hati) kepada nikmat kesenangan yang kami berikan kepada golongan di antara mereka (yang kafir itu) dan janganlah engkau merasa dukacita terhadap mereka (kerana mereka tidak beriman dan tidak menguatkan Islam sebagaimana engkau harapkan); dan sebaliknya hendaklah engkau merendah diri kepada orang-orang yang beriman (sekalipun mereka dari golongan fakir miskin).


(al-Hijr, 15: 88)

Menurut Muhammad Quraish Shihab (2000), ayat sebelum ini menerangkan mengenai kepentingan untuk bersikap rendah diri dan menyayangi para Mukmin iaitu mereka yang bersama-sama menyetai dalam membela agama Islam. Setiap Muslim juga tidak perlu bersedih dalam menghadapi segala musibah dan ujian hidup. Perasaan merendah diri menjadikan seseorang Muslim lebih dekat kepada

Allah SWT. Merendah diri dalam konsep kepengarangan adalah tidak meninggikan ilmu yang dimiliki serta dan tidak mendabik dada dalam sesebuah karya atau penerbitan yang dihasilkan. Malahan berusaha untuk bersama-sama berkongsi ilmu pengetahuan dengan semua orang.

4. PERBINCANGAN

Melalui analisis dapatan sebelum ini, kajian mendapati terdapat lima etika yang dikenalpasti sebagai etika kepengarangan menurut perspektif Islam. Lima etika kepengarangan tersebut adalah niat yang ikhlas, adil, amanah, bertanggungjawab serta merendah diri. Etika ini penting bagi menjadi panduan kepada ahli akademik yang terlibat dengan bidang kepengarangan agar dapat menjauhi perkara buruk dan salah laku. Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, satu rajah dihasilkan untuk memberi penerangan yang ringkas kepada perbincangan tersebut:



Rajah 1: Etika Kepengarangan Menurut Perspektif Islam

Etika yang pertama adalah niat yang ikhlas. Keikhlasan penting dalam semua perkara yang dilakukan. Sementara itu, niat yang menentukan baik atau buruk tingkah laku manusia. Maka, niat yang ikhlas penting bagi seorang penulis dalam menghasilkan penulisan atau karya. Tanpa niat yang ikhlas ahli akademik akan cenderung untuk menulis dengan perasaan yang terdesak atau terpaksa semata-mata untuk menyiapkan penulisan.

Selain itu, memiliki sifat amanah adalah penting. Setiap orang yang memiliki amanah perlu menjaganya dengan sebaik mungkin. Amanah dalam penulisan adalah seperti menyiapkan kerja yang telah diamanahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, menjaga kerahsiaan penulisan serta tidak menyebarkan sesuatu keburukan sekiranya mendapat hasil negatif daripada penulisan atau kajian yang dilaksanakan.

Bertanggungjawab merupakan sikap yang perlu ada dalam setiap diri ahli akademik. Setiap orang perlu memainkan peranan penting bagi memastikan penulisan yang dilakukan dapat disempurnakan dengan baik. Sesuatu perkara tidak dapat dilakukan dengan sempurna sekiranya dilakukan oleh individu atau sekumpulan orang yang tidak bertanggungjawab. Hal ini adalah kerana tugas tersebut dilakukan dengan remeh dan tidak serius.

Selain bertanggungjawab, adil adalah antara sifat yang penting bagi mengelakkan tugas yang dilakukan memihak kepada pihak yang tertentu sahaja. Malahan sifat adil perlu bagi mengelakkan sifat tidak berpuas hati timbul sama ada dalam kalangan penulis mahu pun pembaca terutamanya mereka yang terlibat dengan kepengarangan.

Sifat yang terakhir adalah merendah diri. Sifat ini merupakan antara sifat mulia yang perlu wujud dalam diri. Merendah diri dalam konsep kepengarangan adalah seperti sifat tawaduk dalam usaha untuk mendapatkan ilmu pengetahuan serta tidak meninggi diri apabila telah mencapai sesuatu kejayaan atau apabila memiliki ilmu yang tinggi. Hal ini amat bertepatan dengan seruan Islam yang mengajak manusia untuk beribadah kepada Allah dengan merendah diri.

Justeru, kelima-lima etika kepengarangan perlu diamalkan. Niat yang ikhlas, amanah, bertanggungjawab, adil dan merendah diri adalah antara etika kepengarangan menurut Islam yang telah dibincangkan dan perlu diamalkan bagi mengelakkan salah laku dalam kepengarangan dan melahirkan ahli akademik yang beretika dalam penulisan, penerbitan mahu pun penyelidikan. Pengamalan etika yang akan menghasilkan nilai kerja yang baik seterusnya mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

5. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, konsep kepegangaran Islam banyak diaplikasikan dalam kehidupan terutamanya dalam kalangan ahli akademik. Namun, sejauh manakah aplikasi tersebut mengikut garis panduan kepegangaran yang sebenar. Hal ini penting bagi mengelakkan sesuatu fakta di salah tafsirkan dan memberi kesan yang buruk kepada para pembaca. Maka, bagi mengelakkan perkara buruk berlaku, etika kepegangaran menurut Islam perlu di amalkan dalam kalangan ahli akademik serta semua pihak yang terlibat agar terhindar daripada salah laku.

Di samping itu, kertas kerja dapat menyimpulkan bahawa sekiranya ahli akademik mengamalkan kelima-lima etika kepegangaran yang telah dibincangkan iaitu niat yang ikhlas, amanah, bertanggungjawab, adil dan merendah diri akan dapat mengurangkan salah laku dalam kalangan mereka. Bahkan etika-etika tersebut boleh diamalkan oleh semua orang kerana etika tersebut bukan sahaja merujuk kepada konsep kepegangaran semata-mata malah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian secara keseluruhan.

ACKNOWLEDGEMENT

This paper is founded on the research project of the Fundamental Research Grant Scheme – FRGS/1/2019/SSI03/UNISZA/02/3 (Project No: RR337). Special appreciation is owed to Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE) and Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) for sponsoring and supporting thir research.

RUJUKAN

- al-Jurjani, Ali ibn Muhammad. (t.th). *Mu'jam al-Ta'rifat*. Kaherah: Dar al-Fadhilah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din al-Sharaf. (1980). *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad Ibn Jarir. (2001). *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil ay al-Quran*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Abdul Rahim Hamdan. (2011). *Falsafah & Pemikiran Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Amidudin Basir @ Ahmad & Jamsari Alias. (2012). Etika Kesarjanaan Muslim Menurut Akhlak Islam. *Jurnal Hadhari* 4(2): 45-64. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Coolins, Cobuild. (2009). *Advanced Dictionary*. Great Bratain: Heinle Cengange Learning.
- Hamed Mohd Adnan. (2008). *Memahami Penerbitan Buku*. Medium Publication. Selangor: Bandar Baru Bangi.
- Haron Din. (2007). *Islam Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Hawkins, Joyce. (1997). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.

- Ibn Kathir, Ismail Ibn 'Umar. (2000). *Tafsir Ibn Kathir*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Krippendorff, Klaus. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. California: SAGE Publications Ltd.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Mana' Qattan (2007). *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman (2004). Sejarah Penulisan dan Pembukuan Hadith. *Jurnal Usuluddin*, 19, 115-138.
- Mohd. Nasir Omar. (2005). *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Nasir Omar. (1992). *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Abdullah Darraz. (1973). *Dustur al-Akhlaq fi al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Rafik Issa Beekun. (1998). *Etika Perniagaan Islam*. Ter. Zainab Abd. Kadir. Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought Malaysia.
- Solomon, R.C. (1984). *Morality and The Good Life*. New York: MC Graw Hill.
- Syed Nawab Haider Naqvi. (1981). *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Zaleha Ahmat. (2000). *Falsafah etika masyarakat Melayu Tradisional: Satu kajian berdasarkan pantun Melayu*.